

MASA HADAPAN BAHASA MELAYU DI NUSANTARA

Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan
Penyandang Kursi Za`ba
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris

[Ceramah Arif Budiman Ke-16 anjuran Pusat Bahasa Melayu Singapura pada 21 Februari 2019]

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu menjadi salah satu mercu tanda wujudnya satu peradaban besar di Nusantara sejak lebih dua alaf atau dua ribu tahun lalu. Malah berdasarkan kajian yang mutakhir, kewujudan orang Melayu yang mendukung peradaban Melayu, termasuk bahasa Melayu dipercayai telah wujud 15 ribu tahun lalu, dengan bersandarkan kajian arkeologi yang menghasilkan Teori Peradaban Pentas Sunda (*The Sundaland Civilization Theory*). Stephen Oppenheimer (1999) and Arysio Santos yang merupakan pendukung teori tersebut menyatakan bahawa antara 14,000 hingga 30,000 lalu Pentas Sunda telah menjadi tempat wujudnya Peradaban Abad Ais (*Ice-Age civilization*) dan bangsa Melayu dipercayai menjadi bangsa pendukung peradaban itu. Di samping itu pendapat lain yang cukup menarik juga ialah hipotesis bahawa bangsa Melayu berkaitan dengan Nabi Ibrahim a.s., sebagaimana yang disebut oleh Ibn Athir al-Jazari, pengarang buku *Al-Kamil fi Tarikh*, bahawa orang Melayu merupakan keturunan daripada isteri ketiga Nabi Ibrahim a.s., iaitu Siti Qanturah. Huraian yang sama dilakukan juga oleh Hamka (Tarikuddin Hj. Hassan, 2011: 180 dan Wan Salleh Wan Ibrahim, 2012, 69).

SEJARAH GELOMBANG PERADABAN MELAYU NUSANTARA

Kebangkitan dan perkembangan peradaban Melayu di Nusantara dapat dibahagi kepada sekurang-kurangnya empat gelombang. Yang pertama ialah pada zaman awal yang ditandai oleh bahasa Melayu purba. Yang kedua ialah pada zaman yang ditandai oleh bahasa Melayu kuno, iaitu pada tahun-tahun awal Masihi dan khususnya pada abad ketujuh Masihi hingga abad ke-13. Gelombang ketiga pula ketara wujud dalam zaman bahasa Melayu klasik dan akhirnya gelombang keempat pada zaman baharu yang bermula pada kira-kira abad ke-18.

Gelombang Pertama dan Gelombang Kedua

Kelompok bangsa Melayu dalam gelombang pertama berlangsung dalam zaman prasejarah yang terbatas pada petempatan kecil. Tidak banyak yang dapat dihuraikan oleh sebab kekurangan sumber tertulis. Bahasa Melayu purba pun tidak dapat dikenal pasti kerana ketika itu bahasa yang digunakan terbatas pada bahasa pertuturan. Perkembangan yang nyata berlaku dalam gelombang kedua pada zaman Melayu kuno, iaitu zaman bermulanya bahasa Melayu dicatat dalam bentuk tulisan dan unit sosialnya berkembang daripada petempatan kecil menjadi bentuk negeri dan negara yang

berkerajaan. Kerajaan Campa (dari abad ke-3 hingga abad ke-14 Masihi) dikatakan oleh ahli sejarah sebagai kerajaan Melayu tertua di benua Asia (Zainal Kling, 1998). Ada beberapa kerajaan lain yang dimasukkan dalam senarai kerajaan negara Melayu awal, misalnya Langkasuka di Segenting Kra (abad 6-7 Masihi), Sriwijaya di Sumatera (abad 7-13 Masihi) dan Majapahit di Jawa (abad 10-14 Masihi).

Antara kerajaan-kerajaan Melayu awal itu, Sriwijayalah yang dianggap lebih banyak menjadi asas pembentukan tamadun Melayu awal. Sebagai kuasa kelautan yang wilayah takluknya meliputi negeri-negeri di Selat Melaka hingga selatan Thailand, dan bahkan mempunyai hubungan hingga sejauh Sri Lanka, Sriwijaya menjadi kerajaan yang menjelmakan citra utama tamadun Melayu, iaitu sistem pemerintahan yang utuh, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran, bahasa perdagangan dan bahasa pengajian ilmu. Menurut catatan I-Cing, iaitu pendeta Buddha yang singgah di Fo-syih, ibu negara Sriwijaya di Palembang dan tinggal di situ selama enam bulan dalam tahun 671, terdapat pusat pengajian agama Buddha dalam bahasa Melayu kuno.

Dalam zaman Sriwijaya jugalah berlangsung interaksi antara tamadun apabila tamadun India banyak mewarnai aspek-aspek ketamadunan Melayu pada zaman pra-Islam. Bahasa Melayu pada zaman itu yang dikenal sebagai bahasa Melayu kuno menerima sekian banyak kosa kata serta unsur tatabahasa bahasa Sanskrit, sebagaimana yang terlihat pada batu-batu bersurat yang ditemukan dalam zaman tersebut.

Terang bahawa keupayaan bangsa Melayu menubuhkan kerajaan yang menguasai negeri-negeri di sekitar Selat Melaka merupakan suatu bentuk perjuangan besar yang menjadi akar kewujudan sistem pemerintahan di tangan bangsa Melayu hingga kini. Demikian juga, penobatan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran kerajaan dan bahasa perdagangan pada waktu itu sayugialah menginsafkan kita pada zaman ini bahawa kemajuan bangsa dan negara dalam bidang ekonomi harus beserta dengan kemajuan keperibadian bangsanya dan tidak sewajarnya dilakukan pengorbanan mana-mana akar teras tamadun, termasuk bahasa dan budaya, sebagai kononnya harga pembangunan dan kemajuan kebendaan.

Daripada sudut organisasi politik, Sriwijaya ternyata telah memiliki sistem yang kemas dan utuh. Telah wujud struktur pentadbiran bepusat, dengan daerah dan kuasa politik lain di bawah kuasanya memiliki struktur yang lain pula. Sriwijaya sendiri merupakan kedatuan dan tanah jajahannya terbahagi kepada beberapa mandala (jajahan pentadbiran) dengan setiap mandala ditadbirkan oleh datu yang dilantik daripada kerabat diraja atau orang besar (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 1999). Selain mengetuai pentadbiran, raja Sriwijaya menjadi penaung keagamaan dan kebudayaan.

Sebagai kuasa maritim atau kelautan, Sriwijaya berjaya membentuk sistem ekonomi yang kukuh, dengan memiliki pelbagai sumber untuk memenuhi keperluan perdagangan Timur-Barat.

Penguasaan ke atas Kedah, Caiya, Takuapa dan beberapa pelabuhan lain meningkatkan Sriwijaya sebagai pusat pelabuhan yang ulung di Asia Tenggara. Dengan peranan Sriwijaya sebagai pusat pelabuhan Timur-Barat, untuk kali pertama konsep pelabuhan entrepot wujud di Asia Tenggara. Sebagai entrepot utama, Sriwijaya berperanan sebagai pusat pembekal dan pengedar hasil Asia Tenggara dan juga hasil dari Timur Tengah, India dan Cina. Fokus perdagangan bertumpu di kawasan barat daya Sumatera, Sambas dan Pontianak (Borneo), Jawa dan kepulauan timur, utara Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan pedalaman serta lembah Sungai Irrawaddy (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 1999).

Daripada sudut lain, bahasa Melayu sebagai wasilah peradaban telah memenuhi peranan sebagai bahasa pemerintahan, bahasa perdagangan dan bahasa pengajian agama dalam zaman Sriwijaya. Pendeta agama Buddha dari tanah besar China yang diutus oleh maharaja dalam zaman Dinasti Tang ke alam Melayu, Yi Jing telah bermukim selama enam bulan di Fosyeh, ibu negara Sriwijaya yang terletak di Jambi dan melaporkan corak budaya, termasuk bahasa dan adat istiadat Melayu. Bahasa Melayu, menurut laporan Yi Jing, telah digunakan sebagai bahasa pengajian agama Buddha, sebelum beberapa abad kemudian digunakan untuk pengembangan agama Islam dengan meluasnya.

Dapat dirumuskan bahawa dalam zaman awal kebangkitan perjuangan membangun bangsa Melayu berbaris budaya pada zaman kuno telah diupayakan pembentukan institusi pemerintahan, sistem ekonomi, pengembangan kebudayaan dan peneguhan bahasa Melayu sebagai wahana tamadun.

Gelombang Ketiga Peradaban Melayu

Gelombang peradaban Melayu tahap kedua ditandai oleh kebangkitan kerajaan-kerajaan Melayu dalam bentuk sistem kesultanan. Kesultanan Melayu Melaka yang muncul pada awal abad ke-15 dapat dianggap menjadi pembuka babak sejarah baharu peradaban bangsa Melayu. Kemunculannya banyak membawa perubahan terhadap Tanah Melayu dan juga rantau Asia Tenggara dan juga menjadi penyambung kewujudan empayar di alam Melayu, sesudah runtuhnya empayar Sriwijaya (Muhd. Yusof bin Ibrahim, 1996: 21). Malahan kesinambungan antara Sriwijaya dengan Melaka tergambar juga pada hakikat bahawa pengasas Kesultanan Melayu Melaka, iaitu Parameswara (Raja Iskandar Syah) merupakan raja yang terakhir memerintah Palembang sebelum diusir oleh tentera Majapahit. Sehingga demikian, terdapat sebahagian adat istiadat diraja, sistem pentadbiran dan sistem masyarakat yang diamalkan di Palembang diamalkan juga di Melaka, terutama pada bahagian awal sejarahnya.

Bermula dengan perkampungan kecil, Melaka dengan cepat menjadi negara pelabuhan yang terkenal. Demi kepentingan keselamatan dan ekonomi, Melaka meluaskan jajahan takluknya.

Menjelang tahun 1424, iaitu sesudah kemangkatan Raja Mahkota Iskandar Syah (yang memerintah antara tahun 1414 hingga 1424) kuasa politik dan jajahan takluk Melaka telah meliputi bahagian pantai ke bahagian barat laut dan tenggara Tanah Melayu, iaitu seluruh wilayah yang terletak antara Kuala Linggi dengan Kuala Kesang. Peluasan kuasa Melaka berlangsung dengan pesatnya pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah sehingga meliputi Singapura, Muar, Selangor, Dinding dan Pahang. Pada zaman Sultan Mansur Syah pula jajahan Melaka berkembang ke Bernam dan Perak. Penguasaan Melaka ke atas Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Singapura dan Patani disempurnakan dalam zaman Sultan Alaudin Riayat Syah (1477-1488) dan Sultan Mahmud Syah (1488-1510).

Selain di Tanah Melayu, kuasa Melaka meluas juga di pantai timur Sumatera, iaitu di Bentan, Inderagiri, Kampar, Siak dan kepulauan Riau-Lingga. Demikianlah maka pada awal abad ke-16, Melaka telah muncul sebagai empayar yang agung dengan menguasai seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau-Lingga dan sebahagian besar kerajaan di pantai timur Sumatera (Muhd. Yusof bin Ibrahim, 1996).

Keutuhan Kesultanan Melayu Melaka tentulah berasaskan kekuatan sistem pemerintahan yang meliputi pentadbiran dan undang-undang yang rapi. Dalam bidang pentadbiran, kerajaan Melaka dikendalikan oleh raja atau sultan yang dibantu oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung, Laksamana, Syahbandar dan Mendulika serta dan beberapa jawatan lain yang disandang oleh orang kaya-kaya (Muhd. Yusof bin Ibrahim, 1996: 60-61). Raja yang mula-mula mengatur sistem pentadbiran Melaka ialah Sultan Melaka yang kedua, iaitu Mahkota Iskandar Syah. Dalam bidang undang-undang, kerajaan Melaka terkenal dengan undang-undang tertulis, iaitu *Hukum Kanun Melaka*. Sebagai negara kota pelabuhan, terdapat pula undang-undang khusus, iaitu *Undang-undang Luat Melaka*.

Perjuangan bangsa Melayu dalam pengasasan dan pemantapan kuasa politik dan pentadbiran negara pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seiring dengan perjuangan dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Melaka menjadi pusat perdagangan yang dikunjungi oleh pedagang dari seluruh Asia Tenggara dan juga dari Asia Barat dan Asia Timur, terutama sebagai tempat berlangsungnya pertukaran barang perdagangan antara wilayah. Dalam zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Melaka telah mempunyai mata wangnya sendiri untuk menetapkan nilai barang dagangan. Demikian juga telah wujud sistem percukaian yang teratur.

Dalam *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu*, digambarkan kepesatan ekonomi Melaka sebagai berikut:

“Ada pun pada zaman itu negeri Melaka terlalulah ramainya, segala dagang pun bertambah-tambah berkampung; dari sebelah Kampung Keling datang ke Kuala Penajuh, rapat rumah; orang pergi-pergian dari Melaka hingga datang ke Jugra tiada membawa api; barang di mana

ia berhenti, di sana adalah kampung orang. Dari sebelah sini datang ke Batu Pahat, demikian juga; kerana rakyat Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang dalam negeri itu juga.”

Di seluruh Kepulauan Melayu, muncul sekian banyak Kesultanan Melayu yang lain. Di Semenanjung Tanah Melayu sendiri, dikenal Kesultanan Melayu Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak, Pahang, Patani, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan. Sebagaiannya merupakan kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka yang menaungi sekian banyak kerajaan Melayu di Tanah Melayu. Di Borneo, terdapat Kesultanan Melayu Brunei (diasaskan pada pertengahan abad ke-14) dan Kesultanan Melayu Kutai.

Dalam aspek kebudayaan, pada zaman Kesultanan Melayu itulah berkembang dan mantapnya pelbagai sistem kehidupan, termasuk susun lapis masyarakat, adat istiadat, adat resam, sistem kekeluargaan dan perhubungan sosial, kesenian dan persuratan yang diwarisi sebahagiannya oleh bangsa Melayu hingga kini. Segala kekuatan yang dibina dan dimantapkan dalam zaman Kesultanan Melayu itulah yang menjadi asas citra kebudayaan rantau alam Melayu untuk tempoh ratusan tahun dan dalam konteks pembentukan kebudayaan kebangsaan sebagai asas jati diri Malaysia sebagai salah satu entiti rantau alam Melayu, penting sekali fakta dan hakikat itu difahami oleh semua rakyat, baik orang Melayu sendiri mahupun rakyat bukan Melayu.

Peristiwa terpenting yang melandasi gelombang perjuangan bangsa Melayu dalam tahap kedua, iaitu zaman Kesultanan Melayu ialah penerimaan Islam sebagai asas tamadun. Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972 dll.) menafsirkan kedatangan Islam ke rantau ini dan penerimaannya oleh bangsa Melayu sebagai fenomena peralihan paksi daripada tamadun rantau ini yang berasaskan agama serantau, iaitu Hindu-Buddha kepada tamadun yang berasaskan agama sarwajagat, iaitu Islam. Peralihan paksi tamadun ini penting dalam menentukan rupa dan jiwa bangsa Melayu yang baharu, iaitu bangsa yang bebas daripada belenggu khurafat dan takhayul menjadi bangsa yang rasional dan intelektual. Prof. Al-Attas malah menegaskan bahawa pemodenan yang sesungguhnya berlaku pada bangsa Melayu adalah pada zaman tersebut, bukan sesudah kedatangan bangsa Barat.

Sebelum munculnya Melaka, di pantai timur Sumatera telah wujud kerajaan Melayu yang dikenal sebagai Kerajaan Samudera-Pasai, iaitu kerajaan yang menurut rakaman sejarah telah menerima agama Islam pada hujung abad ke-13. Apabila Melaka kemudian menerima Islam pada zaman Raja Mahkota Iskandar Syah (sesudah kemangkatan Raja Iskandar Syah atau Parameswara), Melaka muncul sebagai Kesultanan Melayu yang menjadi pusat penyebaran agama Islam yang penting, selain kemudian Aceh dan Kesultanan Melayu yang lain di seluruh Kepulauan Melayu (antaranya di Banjarmasin, di Patani dan di Brunei).

Asas utama perubahan rupa dan jiwa bangsa Melayu itu ialah aqidah Islam yang berpokok pada konsep tauhid atau keesaan Tuhan dan perhubungan yang saling melengkapi antara manusia dengan Tuhan (*hablum min Allah*) dan antara manusia dengan sesama manusia atau hubungan kemasyarakatan (*hablum min al-nas*). Dengan perkataan lain, Islam meletakkan tanggungjawab atau mentaklifkan umatnya dengan tanggungjawab menegak atau vertikal dalam hubungan ketuhanan dan sekali gus tanggungjawab mendatar atau horizontal dalam hubungan kemasyarakatan dan kemanusiaan, iaitu hubungan bersepadu dan holistik yang menjadi sifat dan tabii agama Islam.

Demikianlah, dengan pengenalan akan Islam, bangsa Melayu memperoleh acuan tatacara kehidupan yang syumul, daripada aspek aqidah hingga aspek ibadat, muamalat, munakahat, siasah dan jinayat sehingga tiada ruang lompong yang wujud dalam sistem kehidupan bangsa Melayu seandainya mereka mematuhi sistem itu sepenuhnya. Aspek inilah juga yang pada hemat saya cukup penting diberi perhatian dengan mendalam dalam bahagian cabaran semasa dan masa hadapan yang akan kita bincangkan kelak. Kekuatan bangsa Melayu dengan berlandaskan syariat Islam ternyata menjadi asas yang perlu diberi perhatian untuk mewujudkan kesinambungan perjuangan bangsa Melayu.

Salah satu kesan langsung daripada penerimaan Islam ialah wujudnya faham dan kesedaran kebangsaan yang meluas dalam kalangan bangsa Melayu (Hal ini dibincangkan dengan mendalam oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam *Syarahana Perdana*, UKM, 1972). Hal ini dimungkinkan oleh faktor persamaan aqidah dan amalan kehidupan dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu (termasuk peranan tulisan Jawi). Di seluruh Kepulauan Melayu muncul pusat-pusat intelektual yang melahirkan ulama', pemikir dan pujangga besar dalam kalangan orang Melayu dan juga yang datang dari luar alam Melayu (Nuruddin al-Raniri, misalnya, yang berasal dari Gujerat). Hamzah Fansuri, Syamsudin al-Sumaterani, Nuruddin al-Raniri Abul Rauf al-Singkili, Abdul Samad al-Falimbani, Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syekh Daud Fatani, Raja Ali Haji dan beberapa banyak lagi nama besar lain terakam dalam sejarah bangsa Melayu sebagai tokoh yang berperanan mengikat semangat persatuan dan kebangsaan serta pandangan sarwa melalui pemikiran dan ilmu.

Demikian juga, pada zaman Kesultanan Melayu itulah bahasa Melayu yang kita warisi hingga kini baru benar-benar memperoleh bentuknya yang mantap. Bahasa Melayu dalam zaman kuno demikian asing dan sukar difahami disebabkan pengaruh yang kuat daripada bahasa Sanskrit, baik dalam bidang kosa katanya mahupun dalam bidang tatabahasanya. Perhatikan sahaja contoh bahasa Melayu kuno yang terdapat pada batu bersurat Kedukan Bukit, iaitu salah satu batu bersurat pada abad ke-7 seperti yang berikut ini, yang nyata amat jauh bentuknya daripada bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu kini:

Swastu Shri
Shakawarsatita 605 ekadashi
Shuklapaksa wulan Waishakha dapunta
Siyang naik disambu mengalap siddhayatra
Di Saptami Shuklapaksa Wulan
Jyestha dapunta hiyang marlapas dari Minanga Tamvan
Mamawa jang bala dua laksa
Dangan...dua ratus
Tsyara disambau dangan jalan
Saribu tlu ratus sapuluh
Dua banyaknya. Datang
Di Matajap
Sukhatshitta.
Di pantshami shuklapaksa Wulan
...laghu mudik datang
marwuat maua...Syriwijaya
jayasiddharyatra subhiksa.

Bahasa Melayu dalam zaman Kesultanan Melayu, yang disebut juga zaman klasik, merupakan bahasa yang hingga kini dapat dikenal bentuknya dan dapat difahami, meskipun mempunyai gaya yang berlainan daripada bahasa Melayu kini. Sebahagian besar kosa kata bahasa Melayu klasik masih tetap difahami dan terdapat dalam kamus. Tatabahasanya masih merupakan acuan bahasa yang sama dengan tatabahasa bahasa Melayu kini, sehingga dapat dirumuskan bahawa bahasa Melayu zaman baharu berakar daripada bahasa Melayu zaman klasik yang mekar dalam zaman Kesultanan Melayu. Sebagai contoh, di bawah ini dipetik beberapa ayat dalam *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu*:

“Kata sahibul hikayat, ada beberapa lama antaranya maka datanglah todak menyerang Singapura, berlompatan lalu jatuh ke darat; dan kebanyakan orang di pantai itu banyak mati, dilompati oleh todak itu. Jika kena dada terus ke belakang; jika kena leher dan pinggan, terus ke sebelah. Maka tidaklah orang berdiri di pantai itu, lagi banyak mati. Maka gemparlah orang berlarian ke sana sini, semuanya mengartakan, ‘Todak menyerang kita. Banyak sudah mati orang kita dibunuhnya.’”

Prof. Syed Muhammad Naquib (1972 dll.) menekankan bahawa kedatangan Islam telah membentuk hakikat bahasa Melayu baharu, sebagaimana yang berlaku dalam tamadun bangsa lain yang menerima Islam, terutama dengan pengenalan akan “...peristilahan dasar yang membayangkan faham-faham dasar yang menayangkan pandangan alam serta kehidupan yang dialami...” (al-Attas, 2001: 99). Dengan perkataan lain, Islam telah memperkenalkan dan memasukkan sekian banyak kosa kata yang mewakili tasawur dan pandangan sarwa Islam dalam aspek sistem kepercayaan dan dalam segala aspek kehidupan bermasyarakat. Demikian juga Islam telah memberikan acuan baharu kepada wacana bahasa Melayu dengan pengenalan akan pelbagai bentuk wacana yang sebelumnya tidak ada dalam tamadun Melayu, seperti wacana ketatanegaraan (seperti dalam *Tajul Salatin*), wacana undang-undang (seperti *Hukum Kanun Melaka*), wacana pencerajahan atau historiografi (seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Raja Pasai*) dan pelbagai bentuk susastera prosa dan puisi.

Bahasa Melayu dalam zaman Kesultanan Melayu benar-benar menjadi tonggak peradaban kerana digunakan dalam segenap lapangan kehidupan - pentadbiran, undang-undang, diplomasi, perdagangan, ilmu dan pendidikan. Kehebatan bahasa Melayu pada abad ke-16 dirakamkan oleh sarjana Belanda Francois Valentijn sebagai yang berikut:

“Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *Lingua Franca* di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebaranya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja difahami di Parsi bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga Kepulauan Filipina.”

(Nik Safiah Karim et al. 2003: 14)

Sumbangan besar yang lain yang diberikan oleh Islam ialah pengenalan tulisan Jawi (di Indonesia dikenal sebagai *tulisan Arab Melayu*) yang didasarkan pada aksara Arab. Dalam zaman Kesultanan Melayulah untuk kali pertama bahasa Melayu mempunyai tulisan yang benar-benar meluas penggunaannya dalam pelbagai bidang kehidupan sehingga muncul tradisi bahasa Melayu persuratan yang menjadi asas bahasa Melayu baku. Dalam zaman kuno, meskipun ada tulisan Palava, Kawi, Rencong dan sebagainya, tidak terdapat bukti sejarah tentang keluasan fungsi dan penggunaannya di tengah-tengah masyarakat. Tiada tinggalan karya sebagaimana yang kita warisi daripada zaman Kesultanan Melayu. Besarnya peranan tulisan Jawi terungkap dalam penamaan bangsa Melayu yang dikenal sebagai *bangsa Jawi*. Bangsa Melayu yang dimaksudkan itu pula merangkum semua kumpulan etnik yang mendiami Kepulauan Melayu, tidak kira Jawa, Sunda, Aceh, Mandailing, Rawa, Minangkabau, Bugsi, Bawean, Banjar dan ratusan yang lain. Demikianlah faham kebangsaan atau nasionalisme Melayu yang luas telah wujud sejak lama dahulu dan dalam menghadapi zaman kini dan zaman mendatang, tidaklah harus dilupakan konsep Melayu dengan pengertian yang luas itu, supaya Melayu mahawangsa atau Melayu besar terus utuh perpaduannya meskipun dibatasi oleh faktor geopolitik.

Gelombang Peradaban Melayu Tahap Keempat

Gelombang keempat peradaban Melayu terlihat dalam kebangkitan gerakan kebangsaan untuk membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan. Di Indonesia, pada awal abad ke-20 telah ditubuhkan perkumpulan politik seperti Budi Utomo (1908), Parti Hindia (1912), Sarekat Islam (1913), Perhimpunan Indonesia (1922), Partai Nasional Indonesia (1927) dan yang lain-lain kemudiannya. Gerakan kebangsaan di Indonesia ditandai juga oleh pergerakan pemuda seperti *Jong Java*, *Jong Sumatera*, *Jong Ambon*, *Jong Batak* dan lain-lain. Kesemuanya menggabungkan persatuan

menjadi Indonesia Muda. Pada 28 Oktober 1928, mereka mengadakan Kongres Indonesia Muda di Jakarta dan menetapkan tiga resolusi penting, iaitu:

1. Kami putera dan puteri Indonesia mengaku bertumpah darah yang satu, iaitu Tanah Indonesia.
2. Kami putera dan puteri Indonesia mengaku berbangsa yang satu, iaitu Bangsa Indonesia.
3. Kami putera dan puteri Indonesia menjunjung bahasa persatuan, iaitu Bahasa Indonesia.

Sejarah perjuangan Melayu di Indonesia melalui pasang surutnya, khususnya daripada sudut politik. Namun daripada sudut kekuatan jati diri, terutama dalam hal bahasa, mereka, tanpa mengira etnik, berpegang pada Sumpah Pemuda 1928, iaitu “menjunjung bahasa persatuan, iaitu Bahasa Indonesia”.

Di Malaysia, kebangkitan semangat kebangsaan untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan Inggeris dikobarkan melalui pergerakan politik, persuratan dan agama. Penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) lebih kurang lima tahun sebelum Perang Dunia Kedua dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang aktif selama lebih kurang empat tahun setelah Jepun menyerah kalah telah menyemarakkan perjuangan bangsa Melayu untuk menjadi bangsa yang besar dan berdaulat. Yang harus dicatat di sini ialah bahawa semangat kebangsaan dan kemerdekaan pada tahap awal berlandaskan perjuangan mewujudkan negara Melayu Raya, iaitu Tanah Melayu dan Indonesia dalam satu kesatuan politik. Cita-cita tersebut dicetuskan kembali dalam Kongres Pemuda Melayu Se-Malaya pada 8-10 April 1955 di Kuala Lumpur. Dalam kongres itu, 800 orang peserta yang mewakili 44 persatuan merumuskan Ikrar Pemuda yang antara lain menegaskan bahawa “matlamat akhir perjuangan nasionalisme Melayu ialah pembentukan satu bangsa, satu negara dan satu bahasa yang bernama Melayu”.

Sejarah tidak berpihak kepada cita-cita tersebut, tetapi semangat penyatuan Melayu yang digerakkan dalam bidang bahasa dan persuratan seperti oleh Dewan Bahasa Pustaka, GAPENA, Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) dan Yayasan Warisan Negara pimpinan Tan Sri Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim serta beberapa badan lain melalui pelbagai majlis kerjasama serantau dan antarabangsa dapat menyuburkan penyatuan Melayu mahawangsa di rantau ini. Antara wadah yang menunjang gerakan itu termasuklah Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), Majlis Kerjasama Kebahasaan dan Persuratan Wilayah Utara, Wilayah Borneo dan Wilayah Selatan (MEKKAP/ MAKKAP), Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA), Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FORKEPS), Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM)), Pertemuan Sasterawan Nusantara dan Ikatan Setia Kawan Wartawan Malaysia-Indonesia (ISWAMI) diharapkan dapat memenuhi semangat Melayu raya atau Melayu mahawangsa.

BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA NEGARA DI NUSANTARA

Isu masa hadapan bahasa Melayu di Nusantara dan juga di Asia Tenggara banyak bergantung pertama-tamanya pada kedudukan dan peranannya sebagai bahasa negara bagi sejumlah negara di rantau tersebut. Pada teorinya, kedudukan bahasa Melayu yang diperundang-undangkan melalui perlembagaan beberapa buah negara di Nusantara amat penting, kerana dengan kedudukan yang dilindungi oleh undang-undang negara, bahasa Melayu mempunyai potensi untuk didaulatkan dan diangkat sebagai wahana ranah-ranah penting kehidupan, seperti pendidikan, pemerintahan, ekonomi, diplomasi dan yang lain.

Daripada 11 buah Negara ASEAN, iaitu negara-negara di Asia Tenggara, empat buah negara memberikan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, iaitu Malaysia (melalui Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan), Indonesia (melalui Pasal 36 Undang-undang Dasar atau UDD 1945), Brunei Darussalam (melalui Perlembagaan 1959) dan Singapura (melalui Perlembagaan 1965). Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu menjadi salah satu asas jati diri dan citra negara-negara berkenaan dan juga menjadi salah satu asas penting perpaduan kebangsaan. Di Malaysia, di Indonesia dan di Brunei Darussalam, kedudukan atau taraf sebagai bahasa kebangsaan itu disertai pula oleh penobatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Jika merujuk kepada takrif bahasa rasmi di Malaysia, bahasa Melayu ialah bahasa yang hendaklah digunakan bagi semua urusan rasmi di semua peringkat pentadbiran negara, iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam. Hal yang sama berlaku juga di Indonesia dan di Brunei Darussalam. Bagaimanapun kedudukan dan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi banyak bergantung pada penguatkuasaan dan pelaksanaannya, yang akan dikupas dalam bahagian cabaran. Singapura menetapkan empat bahasa rasmi, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil meskipun pada kenyataannya bahasa Inggerislah yang dominan dalam urusan pentadbiran negara.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa negara di empat buah negara itu diperkukuh masa hadapannya oleh kenyataan bahawa jumlah penduduknya mencapai angka kira-kira 300 juta orang daripada 593 juta orang penduduk Asia Tenggara (Jagurdermuluk, 2015). Angka yang besar itu seandainya dimanfaatkan dengan perancangan yang baik membuka ruang dan potensi bahasa Melayu memainkan peranan penting dan meluas di rantau Asia Tenggara, sebagaimana yang berlaku dalam zaman Sriwijaya dan zaman Kesultanan Melayu dahulu.

Erti bahasa Melayu sebagai bahasa negara bagi empat buah negara di Asia Tenggara memberikan harapan yang besar bagi masa hadapan bahasa Melayu di Nusantara dan juga di Asia Tenggara berasaskan beberapa faktor seperti yang dibincangkan di bawah.

Faktor Legitimasi atau Kesahan

Peruntukan dalam undang-undang tertinggi negara, iaitu perlembagaan memungkinkan pengisian peranan bahasa Melayu dalam ranah-ranah penting kehidupan bernegara yang melibatkan seluruh rakyat negara berkenaan. Dalam konteks di Malaysia, dengan adanya peruntukan Perkara 152 tentang bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, menurut undang-undang bahasa Melayu wajib digunakan sebagai bahasa bagi semua urusan rasmi, iaitu yang berkaitan dengan sektor awam atau kerajaan. Sekiranya peruntukan itu dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan sempurna, gagasan pembentukan negara bangsa (*nation state*) dapat dicapai untuk membentuk bangsa yang bersatu padu, berjati diri kebangsaan dan menjadikan bahasa Melayu wahana komunikasi yang berkesan bagi jentera pentadbiran negara dalam semua bidang. Dengan pelbagai cabaran dan kekangan (yang akan dibincangkan dalam bahagian lain), sekurang-kurangnya telah terbukti sumbangan bahasa Melayu dalam proses pembinaan negara (*nation building*) Malaysia yang dihasratkan oleh pejuang kemerdekaan. Menurut pecahan (6) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hendaklah digunakan sebagai bahasa urusan rasmi di tiga peringkat pentadbiran negara, iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam. Sekiranya ketetapan itu dipatuhi dengan baik, keutuhan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran pasti menyumbangkan sesuatu yang bererti kepada masa hadapan bahasa Melayu di Nusantara, iaitu sebagai bahasa pemerintahan sebagaimana yang berlangsung dalam zaman Sriwijaya dan zaman Kesultanan Melayu selama beberapa abad.

Dalam bidang pendidikan, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan memungkinkan bahasa Melayu mula digunakan sebagai bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan, berasaskan usul Laporan Razak 1956 yang menetapkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama. Ketegasan Menteri Pendidikan Malaysia pada tahun 1969, iaitu Tun Patinggi Datuk Abdul Rahman Ya'kub melaksanakan peralihan sekolah rendah dan sekolah menengah Inggeris menjadi sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan dalam beberapa tahun telah menghasilkan pencapaian usul Laporan Razak itu. Di peringkat universiti, tahun 1983 ditetapkan oleh kerajaan sebagai tahun permulaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa perkuliahan bagi tahun pertama universiti. Namun penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970 telah membuktikan kejayaan 13 tahun lebih awal dalam hal penggunaan bahasa Melayu sebagai wahana ilmu di peringkat pendidikan tinggi. Pelaksanaan Program Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2003 menjadi cabaran besar bagi kejayaan sistem pendidikan kebangsaan dalam hal penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama. Demikian juga pelaksanaan perkuliahan dalam bahasa Inggeris bagi bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Perubatan) sejak tahun 1995 turut menghambat masa hadapan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Di Indonesia, proses perancangan bahasa yang mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa nasional (meskipun namanya ditukar menjadi *bahasa Indonesia* untuk keperluan negara Indonesia) mencapai kejayaan yang lebih nyata. UUD 1945 dengan tegas menetapkan bahawa menjadi tanggungjawab semua penjawat awam, daripada Presiden hingga pekerja bawahan untuk menggunakan bahasa nasional, termasuk di peringkat antarabangsa. Di dalam negara, bahasa Melayu menjadi alat pemersatu yang cukup berkesan bagi negara yang terdiri daripada puluhan ribu pulau dan memiliki lebih 500 kumpulan etnik. Dari Sabang hingga Mareuke, bahasa Indonesia digunakan sebagai bahasa yang benar-benar nasional sehingga jati diri rakyatnya cukup nyata berdasarkan bahasa yang digunakan. Sebagai contoh, etnik keturunan Cina di Indonesia menuturkan bahasa Indonesia yang cukup jelas keindonesiaannya sehingga tidak dapat dibedakan daripada penutur jati bahasa Melayu atau warganegara yang lain di Indonesia. Di peringkat antarabangsa pula, bahasa Indonesia muncul dalam forum di Pertubuhan Bangsa Bersatu dan forum antarabangsa yang lain kerana negara itu melaksanakan dasar penggunaan bahasa negara di peringkat antarabangsa. Tampaknya Sumpah Pemuda benar-benar ditunaikan sebagai sumpah.

Di Negara Brunei Darussalam, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa negara tampak meluas juga, termasuk citranya yang digambarkan oleh pemaparan tulisan Jawi di tempat awam, baik pada papan nama perniagaan, iklan, bangunan dan institusi, kesan daripada adanya undang-undang yang mewajibkan pemaparan edisi Jawi bagi setiap nama yang dipaparkan di tempat awam. Hanya mungkin dalam sistem pendidikan, pelaksanaan sistem dwibahasa masih menjadi kekangan kepada harapan bahasa Melayu dalam bidang ilmu dan pendidikan.

Di Singapura, sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu tetap mendapat tempat dalam majlis kenegaraan dan pemimpin negara menampilkan penggunaan bahasa kebangsaan yang mengagumkan mutunya. Lagu kebangsaan “Majulah Singapura” masih kekal dalam bahasa Melayu dan demikian juga tradisi arahan kawad dalam bahasa Melayu masih berterusan. Upaya melestarikan bahasa Melayu sebagai bahasa negara tampak nyata juga dalam sistem pendidikan walaupun bahasa Melayu bukan bahasa penghantar utama. Penubuhan Pusat Bahasa Melayu Singapura di bawah Kementerian Pendidikan, pemantapan berterusan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (dalam aspek kurikulum, bahan ajar, penaksiran dan latihan) dilaksanakan dalam pelbagai program berterusan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan peluasan penggunaan bahasa Melayu.

Faktor Kerjasama Antara Negara

Dengan adanya negara-negara yang mengabsahkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara, maka ruang kerjasama bersifat rasmi antara negara dapat diadakan. Bermula dengan usaha awal pada tahun 1950-an dan kemudian diformalisasikan pada tahun 1972, wujud kerjasama rasmi antara dua buah negara berbahasa Melayu, iaitu Malaysia dan Indonesia melalui badan yang dikenal sebagai Majlis

Bahasa Indonesia – Malaysia (MBIM). Kerjasama awal bertumpu pada penyelarasan sistem ejaan Rumi dan peristilahan. Apabila Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1985, kerjasama serantau dalam bidang bahasa Melayu diluaskan dengan penerimaan Brunei Darussalam sebagai anggota baharu, dan nama badan kerjasama serantau itu diubah menjadi Majlis Brunei Darussalam – Indonesia – Malaysia (MABBIM). Singapura menjadi anggota pemerhati dalam badan kerjasama bahasa serantau itu.

Pada tahun 1990-an bidang kerjasama MABBIM disemak dan diluaskan dengan menambahkan bidang lain, iaitu penyelidikan, penerbitan dan pemupukan (kegiatan). Peluasan bidang kerjasama itu, jika diisi dengan perancangan yang rapi dan pelaksanaan yang berkesan, membuka ruang kemajuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa bagi bidang-bidang lain di Nusantara.

Kerjasama serantau yang lain dalam bidang bahasa dan persuratan, khususnya kesusasteraan dilaksanakan melalui Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) yang didukung oleh tiga buah Negara, iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam dan kemudian disertai oleh Singapura. Thailand yang tidak termasuk dalam kalangan negara berbahasa Melayu, tetapi berpenduduk Melayu di wilayah-wilayah selatannya kemudian diterima menjadi anggota MASTERA, khususnya sesudah tertubuh Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu Thailand pada tahun 2015. Majlis itu telah dapat mengangkat sastera Melayu di rantau Nusantara melalui kegiatan syarahan sastera di ketiga-tiga buah negara, anugerah sastera serantau dan bengkel penulisan sastera antara negara.

Bahasa Melayu Supranasional

Dalam hubungannya dengan kerjasama serantau daripada sudut kebahasaan dan persuratan, hal penting yang memberikan harapan besar kepada bahasa Melayu di Nusantara ialah wujudnya (atau bakal wujudnya) bahasa Melayu supranasional, iaitu bahasa Melayu yang merentas negara-negara berbahasa Melayu di alam Melayu dan di Asia Tenggara. Bahasa Melayu supranasional telah wujud dalam sejarah perkembangan peradaban Melayu pada zaman Kesultanan Melayu selama beberapa ratus tahun sehingga konsep bahasa Melayu baku telah wujud sebenarnya pada zaman itu. Bahasa baku yang ditandai oleh ciri keseragaman relatif bagi satu wilayah dan pelbagai kelompok pengguna bahasa terbukti telah wujud pada zaman bahasa Melayu klasik apabila kita menelaah kaya-karya dalam pelbagai bidang dan juga dalam dokumen seperti surat dan perjanjian. Istilah *bahasa Melayu klasik* itu sendiri merujuk kepada satu ragam bahasa yang digunakan di seluruh alam Melayu dalam tempoh tertentu (yang cukup panjang kerana ratusan tahun lamanya).

Bahasa Melayu yang digunakan dalam karya-karya historiografi seperti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Tuhfatunnafis*, karya undang-undang seperti Hukum Kanun Melaka, Undang-undang 99 Perak, karya

akidah, fikah, tasawuf, kitab perubatan, persenjataan dan bidang lain memperlihatkan ragam bahasa Melayu yang seragam meskipun dihasilkan di pusat-pusat peradaban Melayu yang berbeda. Bahasa itulah yang kemudian mewariskan bahasa Melayu baharu seperti yang digunakan sesudah zaman klasik hingga kini, meskipun berlainan gayanya disebabkan perubahan zaman.

Bahasa Melayu yang digunakan di Nusantara kini ditandai oleh dua ragam utama, iaitu ragam Melayu Malaysia (termasuk Singapura, Brunei Darussalam, Thailand, Cambodia) dan ragam Melayu Indonesia. Ragam-ragam itu wujud terutamanya disebabkan oleh faktor latar belakang penjajahan dan latar belakang sosiobudaya yang berlainan. Hal ini akan dihuraikan dalam bahagian yang berkaitan dengan cabaran. Dengan kerjasama kebahasaan dan persuratan yang ada melalui beberapa prasarana yang telah disebut (seperti MABBIM dan MASTERA), diharapkan bahasa Melayu supranasional yang merentas batas geopolitik akan dapat terbentuk sebagaimana bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Perancis dan yang lain di seluruh dunia dikenal sebagai bahasa yang merentas negara. Kewujudan bahasa Melayu supranasional akan memberikan cahaya masa hadapan yang cerah kepada bahasa Melayu di Nusantara, bahkan di dunia kerana semua pengguna bahasa Melayu, termasuk di Eropah, di Amerika dan di bahagian lain dunia akan menggunakan sistem ejaan, tatabahasa dan kosa kata yang sama, dengan pengakuan adanya variasi pada tahap tertentu, sebagaimana adanya ragam *British English* dan *American English*.

Faktor Keperluan Saling Bergantung

Walaupun telah terpisah dalam bentuk geopolitik yang berasingan, terutama sebagai kesan penjajahan kuasa Barat, rasa dan semangat persaudaraan sebagai negara se-Nusantara masih wujud dalam kalangan pemimpin dan rakyat negara-negara yang termasuk dalam kelompok negara berbahasa Melayu. Faktor bahasa yang secara langsung mencakup aspek pemikiran, sistem nilai, pandangan sarwa, sikap dan hubungan sosial menjadi tali pengikat semua orang Melayu dan kumpulan etnik yang bernaung di bawah konsep Melayu di negara-negara berbahasa Melayu untuk terus saling bergantung dalam penakatan kehidupan dan peradaban.

ISU DAN CABARAN

Masa hadapan bahasa Melayu di Nusantara banyak bergantung pada cara isu dan cabaran yang wujud ditangani dengan bijaksana. Antara isu dan cabaran yang dapat dikenal pasti adalah seperti yang berikut.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi ASEAN

Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN) yang telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 mulanya terdiri daripada lima buah negara, iaitu Indonesia, Thailand, Singapura, Malaysia dan Filipina. Kemudian

persatuan itu dianggotai oleh 10 buah negara dengan masuknya Vietnam, Cambodia, Brunei Darussalam, Laos dan Myanmar. Dengan merdekanya Timor Leste daripada Portugis pada tahun 1975 dan kemudian daripada Indonesia pada tahun 2002, ASEAN kini dianggotai oleh 11 buah negara.

Walaupun pada asasnya banyak kemajuan yang telah tercapai oleh ASEAN dalam konteks menyatukan negara-negara di Asia Tenggara, namun dalam beberapa hal masing-masing negara masih menghadapi masalah dalaman dan juga masalah antara negara. Isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dan Brunei Darussalam ke atas Limbang, sebagai contoh, masih menjadi isu antara negara yang belum putus. Di dalam negara masing-masing, isu hubungan etnik dan ekonomi di kebanyakan negara anggota menyebabkan perhatian lebih banyak perlu ditumpukan kepada penyelesaian isu dalaman.

Cadangan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN atau sekurang-kurangnya bahasa rasmi kedua telah ditimbulkan sejak tahun 1980-an tetapi belum tampak kenyataannya hingga kini, sesudah hamper 40 tahun ditimbulkan. Pada tahun 1980, seorang ahli antropologi Filipina, E. Patanne menyarankan bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa rasmi ASEAN dengan alasan-alasan yang jitu (Awang Sariyan, 2015: 88-90). Ketua Satu Gabungan Penulis Melayu Malaysia (GAPENA), Prof. Ismail Hussein sejak tahun 1980-an pun sering membicarakan usul yang sama. Malah menurut Tan Sri Dr. Rais Yatim (2017), pada tahun 1987 dalam mesyuarat tentang budaya peringkat ASEAN di Jakarta, Indonesia dan Malaysia telah mencadangkan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan dalam ucapan dan diplomasi ASEAN tetapi tiada perkembangan daripada cadangan itu, mungkin kerana isu bahasa rasmi ASEAN tidak mendapat perhatian daripada pemimpin-pemimpin negara anggotanya yang telah selesa menggunakan bahasa Inggeris sejak awal. Selama bahasa Melayu tidak diangkat sebagai bahasa rasmi ASEAN atau sebagai bahasa pilihan untuk untuk acara rasmi ASEAN, masa hadapan bahasa Melayu di Nusantara belum dapat dianggap cukup utuh dan bermartabat.

Isu Bahasa Melayu Varian Malaysia dan Varian Indonesia

Keutuhan bahasa Melayu se-Nusantara atau bahasa Melayu supranasional yang menjadi fenomena pada zaman bahasa Melayu klasik dalam zaman Kesultanan Melayu telah terpecah oleh faktor penjajahan dan perkembangan semasa bahasa Melayu, khususnya sesudah dipecahkan menjadi wilayah Tanah Melayu dan Indonesia melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Daripada proses “pemfaradan” menurut acuan penjajah Inggeris dan Belanda itu, bermulalah arah perkembangan yang berbeda antara bahasa Melayu di Indonesia dan di Tanah Melayu (kemudian Malaysia), sehingga wujud dua ragam yang dikenal sebagai varian bahasa Melayu Malaysia dan varian bahasa Melayu Indonesia.

Daripada sudut kosa kata, varian di Malaysia banyak diwarnai oleh kosa kata daripada bahasa Inggeris dan varian di Indonesia banyak diwarnai oleh kosa kata daripada bahasa Belanda. Dengan kerencaman kumpulan etnik yang lebih besar di Indonesia, khususnya dengan wujudnya pelbagai bahasa setempat atau bahasa daerah, kosa kata bahasa Melayu di Indonesia banyak pula ditandai oleh penggunaan kosa kata bahasa daerah, khususnya bahasa Jawa. Yang tidak kurang menjadi ciri kosa kata varian Indonesia ialah penggunaan sekian banyak akronim yang berkembang begitu aktif dari hari ke hari (Awang Sariyan, 2002 dan 2008) yang ternyata kian menjarakkan keseragaman antara bahasa di dua buah negara itu (dan juga negara lain yang lebih rapat dengan varian Malaysia, seperti Singapura, Brunei Darussalam, Thailand dan Cambodia).

Kian kurangnya lalu lintas bahan terbitan bercetak antara Indonesia dengan Malaysia turut menghambat keakraban dua varian itu, sebagai kesan daripada dasar negara Indonesia dalam menjaga ekonomi penerbitan negara yang tidak mengizinkan eksport bahan terbitan dari negara berbahasa Melayu lain. Kamus Bahasa Nusantara, iaitu kamus bahasa Melayu tiga buah negara (Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia) yang diusahakan melalui rangka kerjasama kebahasaan serantau dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa Brunei Darussalam dapat sedikit banyaknya memberikan bantuan untuk mewujudkan keadaan saling faham antara pengguna bahasa Melayu di ketiga-tiga buah negara itu, tetapi oleh sebab faktor pengedaran yang terbatas, kamus itu kurang beredar di tengah-tengah khalayak pengguna bahasa.

MABBIM yang tujuan asal penubuhannya adalah untuk menyelaraskan korpus bahasa Melayu, khususnya ejaan dan perisitalahan ternyata tidak dapat memenuhi tujuan itu kerana kian meningkat jumlah istilah yang diselaraskan yang masuk dalam “lajur D”, iaitu lajur “Bersetuju untuk tidak bersetuju”, khususnya antara Indonesia dengan Malaysia. Kian banyaknya kosa kata yang diberi tanda palang untuk menunjukkan sinonim yang menandai wujudnya perbezaan antara kosa kata bahasa Indonesia dengan kosa kata negara berbahasa Melayu yang lain merupakan salah satu tanda lain yang ketara. Dalam minit atau laporan mesyuarat dan sidang MABBIM dan MASTERA, begitu banyak terdapat fenomena itu. Misalnya, *jawatankuasa/komisi*, *jadual/jadwal*, *mesyuarat/musyawarah*, *tarikh/tanggal*, *penyelidikan/peneletian* dan puluhan yang lain.

Di peringkat antarabangsa, “bahasa Indonesia” lebih dikenal daripada “bahasa Melayu” kerana lebih banyak pusat pengajian ilmiah di seluruh dunia yang “lebih mesra” dengan Pengajian Indonesia daripada Pengajian Melayu, sebahagian besarnya sebagai hasil kesungguhan pemerintah Indonesia, melalui kedutaannya, melakukan promosi kebudayaan dan pendidikan Indonesia di negara-negara besar di dunia. Di sesetengah negara, diwujudkan dua jurusan yang berbeza, iaitu Jurusan Bahasa Indonesia dan Jurusan Bahasa Melayu. Di belasan universiti di Republik Rakyat China, misalnya, fenomena itu amat nyata. Di kebanyakan universiti di Jepun, yang diajarkan lebih banyak bahasa Indonesia daripada bahasa Melayu. Maka jumlah sarjana di luar alam Melayu yang menjadi

sarjana pengajian Melayu banyak yang lebih cenderung berbahasa dengan varian Indonesia. Hal ini sedikit banyaknya memberikan dampak kepada masa hadapan bahasa Melayu di Nusantara yang sewajarnya menjadi bahasa besar sebagaimana pada zaman klasik dahulu.

BEBERAPA SARAN PELAN TINDAKAN

Beberapa saran pelan tindakan yang saya usulkan berdasarkan kategori tertentu adalah seperti yang berikut.

Taraf Bahasa Melayu:

1. Mengusulkan agar badan bukan kerajaan membawa cadangan kepada kerajaan untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN atau sebagai langkah awal, menjadikannya bahasa pilihan utama atau bahasa kedua sesudah bahasa Inggeris, dikemuakakan kepada Urus Setia ASEAN melalui Kementerian Luar negara-negara berbahasa Melayu dan disokong oleh negara-negara yang termasuk sebagai negara di alam Melayu. Cadangan ini memerlukan usaha keras dan berterusan di peringkat negara lebih dahulu agar diterima oleh pemimpin negara berbahasa Melayu sebagai agenda penting. Selama pemimpin negara-negara berbahasa Melayu tidak bergerak ke arah itu, harapan untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN hanya tinggal menjadi impian.
2. Mengusulkan agar badan bukan kerajaan atau badan pemikir mendesak kerajaan/pemerintah negara-negara berbahasa Melayu agar menjadikan dasar bahasa kebangsaan sebagai dasar yang mesti diisi dengan sewajarnya, sesuai dengan peranan bahasa negara dalam membentuk jati diri, wasilah perpaduan kebangsaan dan juga sebagai wahana penggerak jentera pentadbiran negara.

Program Seni Budaya:

3. Kerajaan/pemerintah negara-negara berbahasa Melayu memperbanyak program pertukaran budaya yang menggunakan bahasa Melayu seperti program siaran bersama melalui media, persembahan seni budaya secara bergilir-gilir di negara-negara tersebut.

Pendidikan:

4. Kerajaan/pemerintah negara-negara berbahasa Melayu mewujudkan dana untuk memberikan biasiswa pengajian di peringkat sekolah menengah atas dan pendidikan tinggi kepada pelajar dari negara berbahasa Melayu yang lain, dalam program pengajian yang berwahanakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar.

5. Kerajaan negara berbahasa Melayu meningkatkan dan meluaskan program penyerapan bahasa dan budaya Melayu (seperti yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Singapura) bagi guru dan pelajar bahasa Melayu antara negara-negara berbahasa Melayu.

Penyelidikan:

6. Kerajaan negara berbahasa Melayu menubuhkan dana penyelidikan bersama, melalui institusi kebahasaan dan persuratan (seperti Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam dan Badan Pengembangan Bahasa dan Perbukuan Indonesia) untuk melakukan penyelidikan dan menerbitkan hasil penyelidikan yang berkaitan dengan bahasa dan persuratan Melayu. Antara yang pernah saya usulkan sejak tahun 2000 dahulu ialah kerjasama dalam penyelidikan yang berkaitan dengan Sejarah Bahasa Melayu bagi seluruh alam Melayu yang hingga kini masih jauh daripada lengkap kerana ketiadaan usaha bersinergi antara negara.

Penerbitan:

7. Kerajaan negara berbahasa Melayu, melalui kementerian pendidikan dan badan-badan bahasa dan persuratan, mengusahakan penerbitan dalam bahasa Melayu bagi pelbagai bidang ilmu dalam kedua-dua kategori ilmu, iaitu **ilmu tanzil** (*revealed knowledge*) dan **ilmu akal** (*acquired knowledge*) yang menurut anatomi disiplin ilmu dalam pemetaan MABBIM mencecah 300 bidang ilmu, untuk pelbagai lapis khalayak masyarakat (dewasa ilmuwan, dewasa umum, remaja dan kanak-kanak). Sebahagian bahan penerbitan itu dapat diupayakan melalui inventorisasi tesis sarjana dan doktor falsafah yang dihasilkan di Indonesia, di Malaysia, di Brunei Darussalam, di Singapura, di Thailand dan di negara lain, pemilihan tesis-tesis yang wajar diolah menjadi buku untuk diterbitkan dan seterusnya menerbitkannya dalam bentuk bercetak dan digital. Dengan cara ini, kekayaan khazanah ilmu dalam bahasa Melayu dalam pelbagai bidang fardu ain dan fardu kifayah untuk pelbagai peringkat khalayak masyarakat dapat ditingkatkan terus-menerus.

RUMUSAN

Masa hadapan bahasa Melayu di Nusantara memerlukan pendekatan perancangan bahasa yang bersifat dwistrategi. Selama ini perancangan bahasa banyak dikaitkan dengan dasar dan keperluan negara, terutama untuk mengisi proses pembinaan negara (*nation building*). Untuk

mencapai cita-cita menjadikan bahasa Melayu bahasa se-Nusantara, dengan pengertian menjadi bahasa Melayu mahawangsa atau bahasa Melayu besar, diperlukan pendekatan yang bukan sahaja berpusat (sentripetal) ke negara bahkan juga yang berdaya emparan (sentrifugal), iaitu yang memencar keluar dari batas negara ke lingkungan negara-negara berkepentingan sepunya (dalam konteks ini rantau Nusantara).

SAJAK IRINGAN

“MITOS BAHASA”

Kata yang empunya ceritera
kononnya bahasa Melayu
kosa kata asalnya hanya tiga patah:
padi, besi, babi
Tiada sanadnya yang sah
Tiada ketahuan nama perawinya
Enak dijadikan sendaan
Tiada sedar kejahilan diri terserlah

Kata yang empunya ceritera
kononnya bahasa Melayu tiada berdaya
menyahut cabaran gelombang samudera
Lamun di paparan sejarah telah tertera
bahasa Melayu hebat sejak zaman Sriwijaya
menanjak gemilang membina mercu tanda
dalam zaman kesultanan di seluruh Nusantara
Dimahkotakan sebagai bahasa sempurna
merentas ranah, sempadan dan bangsa

Kata yang empunya ceritera

seluruh dunia kini kononnya beralih paksi
kepada satu bahasa unggul sedunia nan tidak terperi
kononnya syarat untuk menjadi bangsa maju dan akal yang bestari
Rupanya matanya kabur, peribadinya lebur tidak bersaksi
Di atas dan di bawah angina
sekian banyak bangsa teguh berdiri
memacu kemajuan, menguasai ekonomi, ilmu dan teknologi
bertunjangkan kekuatan jati diri dan bahasa sendiri
memanfaatkan seperlunya bahasa dagang
tanpa larut makna diri

Mitos bahasa demi mitos bahasa
diciptakan dan direkayasakan
konon atas nama kemajuan bangsa dan negara
Tiada insaf akan fitrah ketetapan Yang Berkuasa
mengurniai setiap bangsa dengan bahasa bukan sia-sia
memantapkan cita
membina akal budi
meningkatkan wibawa
tanpa kehilangan jejak
dalam persaiangan di pentas perdana
Kerana kita perlu ada matlamat yang nyata
mencapai pundcak jaya
dengan acuan dan citra wangsa.

Awang Sariyan, 2015. *Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (hlm. 48-49)

Bibliografi

Abdullah Hassan. 1987(a). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan. 1987(b). *Isu-isu Perancangan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan. 1994. *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahim Bakar dan Awang Sariyan (Ed.). 2005. *Suara Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2001. *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Asmah Haji Omar. 1979. *Language Planning for Unity and Efficiency*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Asraf (Ed.). 1996. *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan. 2015 (Cet. 4). *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2016. *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2006. "Isu-isu Utama Sosiobudaya Bangsa dan Negara". Kertas kerja Dialog Susulan Kongres Kepentingan Bangsa Peringkat Negeri Selangor, Dewan Al-Malik Faisal, Petaling Jaya (April 2006)
- Awang Sariyan. 2006. "Bahasa Melayu Setengah Abad Lalu dan Setengah Abad Mendatang: Upaya Pemeraksaannya". Kertas kerja Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-7 (6-8 November 2006).
- Awang Sariyan. 2016. *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2017. *Pemikiran Awang Sariyan dalam Pemartabatan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2018. *Mencari Makna Diri Melayu, Renungan untuk Bangsaku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2018. *Teras Pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1998. *Malay, World Language A Short History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. "Laporan Kajian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dalam Konteks Kepelbagaian Pelajar".
- Jagurdermuluk, 2015. "Bahasa Melayu Bahasa Universal ASEAN" dlm. Asiatenggarasean.blogspot.com
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. 2005. "Berfikir sebagai Bangsa Malaysia". Wawancara *Berita Minggu*, 21 Ogos 2005, hlm. 19.
- Kumpulan Prihatin. 2005. *Implikasi Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Penghantar Matematik dan Sains*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Muhd. Yusof bin Ibrahim. 1996. "Pengasasan Melaka dan Hubungan Awal dengan China dan Siam" dlm. Zainal Abidin Wahid et al. *Malaysia Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Yusof bin Ibrahim. 1996. "Perkembangan Kuasa Politik Melaka" dlm. Zainal Abidin Wahid et al. *Malaysia Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Shuhaimi Abdul Rahman. 1999. "Sriwijaya" dlm. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jilid 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Safiah Karim. 1993. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Persatuan Linguistik Malaysia. 2002. *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata dan Maruah Kita*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Rais Yatim. 2017. “Bahasa Melayu Perlu Jadi Bahasa Rasmi ASEAN” dlm. *Malaysiakini* 25 November 2017.
- Zainal Kling. 1998. “Melayu” dlm. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jilid 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. “Kemelut Kebudayaan Kebangsaan Abad 21”. Kertas Kerja Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-7 (6-8 November 2006).

BIODATA

Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan ialah Profesor dan Penyanggah Kursi Za`ba, Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Sebelumnya beliau ialah Profesor, Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Penerbitan dan Ketua Unit Tamadun Melayu-Islam, Institut Antarabangsa Tamadun Islam dan Dunia Melayu (ISTAC-IIUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Ketua Pengarah ke-10 Dewan Bahasa dan Pustaka dan Penyanggah Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di China sebanyak dua kali. Jawatan lain yang pernah disandangnya ialah Profesor Bahasa di Universiti Putra Malaysia dan Profesor Bahasa di Univetrstisi Malaya dan sebelumnya tenaga pengajar di beberapa buah universiti, iaitu Universiti Pertaian Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau pernah menjadi profesor tamu di Universiti Frankfurt, Jerman dan Universiti Sumatera Utara, Indonesia dan selama beberapa tahun dilantik sebagai Perunding Seberang Laut Kementerian Pendidikan Singapura (dalam bidang pendidikan bahasa Melayu). Selain jawatan hakiki, beliau diundang menjadi Profesor Adjung di beberapa buah universiti, iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (dua kali), Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Universiti Sultan Zainal Abidin melantiknya sebagai Karyawan Ulung. Karya tulisnya meliputi lebih 60 judul buku bahasa, pendidikan, falsafah , kamus dan kumpulan puisi serta lebih seribu makalah dalam pelbagai jurnal, majalah, akhbar, bab dalam buku dll. Lebih 200 syarahan, ucapan utama dan kertas kerjanya pernah dibentangkan di Australia, Belanda, Brunei

Darussalam, Cambodia, Indonesia, Jerman, Korea Selatan, Malaysia, Perancis, Rusia, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan United Kingdom. Dalam gerakan bahasa, beliau pernah menjadi Setiausaha Kehormat dan kemudian Presiden Persatuan Linguistik Malaysia. Sejak tahun 2009 beliau dilantik menjadi Penasihat Persatuan Linguistik Malaysia. Di peringkat serantau dan antarabangsa, beliau pernah menjadi ketua perwakilan Malaysia dalam Sidang MABBIM, MASTERA semasa menyandang jawatan Ketua Pengarah DBP, dan pernah menjadi Setiausaha dan kemudian Pengerusi Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM). Beliau dianugerahi Profesor Kehormat Pendidikan Bahasa dan Kebudayaan oleh Beijing Foreign Studies University dan Doktor Kehormat oleh World Academy of Arts, Amerika Syarikat.